

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
(BATU KAWAN)**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-**

(a) bilangan kematian dalam lokap polis, Pusat Tahanan Imigresen dan penjara pada tahun 2020 dan 2021 mengikut pecahan etnik dan negeri; dan

(b) status pembentangan RUU Koroner berhubung kematian dalam tahanan dan status pemasangan kamera litar tutup atau CCTV dalam semua lokap balai polis dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 melalui kelulusan khas Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC).

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik terkini kematian orang tahanan yang dilaporkan dalam lokap Polis Diraja Malaysia (PDRM), bermula dari **1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020** adalah seramai **13 orang**. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kematian melibatkan lelaki Melayu iaitu tiga (3) di Kedah, dan masing-masing satu (1) di Kuala Lumpur, Pahang, Kelantan dan Sarawak. Manakala empat (4) kematian melibatkan lelaki Cina iaitu dua (2) di Johor dan satu (1) masing-masing di Kuala Lumpur dan Sarawak. Kematian melibatkan seorang (1) lelaki India dilaporkan di Perak manakala satu (1) kematian melibatkan warganegara asing dilaporkan di Kuala Lumpur.

**Sehingga Ogos bulan 2021**, jumlah kematian orang tahanan yang dilaporkan dalam lokap PDRM adalah seramai **enam (6) orang**. Daripada jumlah ini, dua (2) kematian melibatkan lelaki Melayu iaitu masing-masing satu (1) di Perak dan Johor. Manakala dua (2) kematian melibatkan lelaki Cina iaitu masing-masing satu (1) di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Kematian melibatkan seorang (1) lelaki India dilaporkan di Melaka manakala satu (1) kematian melibatkan warganegara asing dilaporkan di Sabah.

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia, bagi **tahun 2020** terdapat sebanyak **13 kematian** melibatkan banduan manakala sebanyak **lapan (8) kematian** direkodkan **bagi tahun 2021**.

Daripada jumlah kematian tersebut, seramai 19 orang banduan adalah warganegara Malaysia yang terdiri daripada 16 orang banduan Melayu manakala tiga (3) adalah banduan India. Terdapat dua (2) orang banduan warga asing dari negara Filipina dan Nepal. Semua banduan tersebut adalah banduan lelaki.

Bagi pecahan mengikut umur pula, rekod Jabatan Penjara menunjukkan terdapat seorang (1) banduan berumur 25 tahun manakala seramai enam (6) orang berada di dalam kategori umur diantara 31 tahun ke 40 tahun, dan lima (5) orang pula adalah berumur diantara 41 tahun ke 50 tahun. Bagi

banduan yang berumur diantara 51 tahun ke 60 tahun, terdapat seramai enam (6) orang dan tiga (3) orang merupakan banduan berumur 60 tahun ke atas.

Bagi tahun 2020 dan 2021, sebanyak 13 kematian berlaku di negeri Johor dan tiga (3) di negeri Melaka. Terdapat sebanyak satu (1) kematian masing-masing di negeri Kedah, Perak, Selangor, Pahang dan Sabah.

Berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah kematian tahanan di Depot Imigresen pada **tahun 2020** adalah seramai **37 orang** dengan jumlah kematian tertinggi di kalangan warganegara Indonesia iaitu 16 orang serta India dan Myanmar dengan jumlah masing-masing lima (5) orang. Warganegara Bangladesh dan Pakistan masing-masing mencatatkan tiga (3) kematian, warganegara Kemboja mencatatkan dua (2) kematian manakala warganegara Kanada, Nigeria dan Vietnam masing-masing mencatatkan satu (1) kematian.

Manakala jumlah kematian tahanan di Depot Imigresen dari **1 Januari sehingga 23 Ogos 2021** adalah seramai **28 orang**. Daripada jumlah tersebut, warganegara Filipina mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 20 orang diikuti oleh warganegara India dan Vietnam dengan jumlah masing-masing dua (2) orang. Manakala warganegara Botswana, Indonesia, Iran dan Myanmar masing-masing mencatatkan satu (1) kematian.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mempertingkatkan integriti agensi penguatkuasaan, melalui Belanjawan 2020, Kerajaan Malaysia telah meluluskan peruntukan RM 50,000,000.00 bagi menambah baik prosedur dan kemudahan tahanan, khususnya perolehan pemasangan kamera litar tutup (CCTV) di pusat tahanan polis dan pintu masuk/keluar imigresen, masing-masing di bawah kawalan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berdasarkan kelulusan, proses perolehan tersebut perlu diselia oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Memandangkan peruntukan bagi PDRM dan JIM di kawal oleh Kementerian

**SOALAN NO : 47**

Dalam Negeri (KDN), proses perolehan tender dan perinciannya telah dilaksanakan sendiri oleh KDN.

Berkenaan dengan status pemasangan kamera litar tutup atau CCTV dalam semua lokap balai polis, PDRM sedang melaksanakan pemasangan CCTV di lokap-lokap yang dipecahkan kepada 5 zon (Utara, Selatan, Timur, Sabah, Sarawak) bermula 15 April 2021. Kemajuan keseluruhan setakat ini telah mencapai 40 peratus. Projek pemasangan CCTV Lokap PDRM dijangka akan selesai pada akhir tahun ini. Berhubung dengan status pembentangan RUU Koroner, perkara adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.